



Received: 2019-03-28

Accepted: 2019-05-09

Published: 2019-08-30

Original Article

## Jin dan Syaitan: Sebab Penyakit Rohani dan Jasmani

### *Jinn and Shayṭān: Causes of Spiritual and Physical Illness*

Siti Nasuhah Baharudin<sup>a\*</sup> Che Zarrina Saari<sup>a</sup> & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email; sitinasuhah402@gmail.com

#### ABSTRACT

The medical field today has advanced up to a point where we could easily identify various types of diseases such as cancer, high blood pressure, heart diseases, and many more. The advancement of science after the creation of microscope, antibiotics, anesthetics, x-ray, and vaccines, has made it easier for doctors to treat patients. Various factors are considered when discussing about what causes diseases in a patient and the reasoning such as genetics, stress, diet, or exposure to viruses which all factors into the final decision regarding the patient's state of health. However, there are factors that are not taken into consideration by modern medical standards especially in the west that involves the influence of "jinn" and "shayṭān" on human health. Elements that relates to "jinn" and "shayṭān" are excluded from the medical literature because they by nature are not experimental and they tend to separate between the religion and science. The goal of this study is to identify whether or not "jinn" and "shayṭān" becomes the cause of diseases in human and influence the human body to a point that they cause various problems physically and mentally. This journal is done with library research. The conclusions achieved in this research are that "jinn" and "shayṭān" were the cause of diseases for example Prophet Adam AS who was inflicted with "was-was" (whisperer of Evil) which is spiritual disease and Prophet Ayub AS who suffered from skin disease for 18 years.

**Keywords:** Medical, "jinn" and "shayṭān", physically, mentally

#### ABSTRAK

Kemajuan perubatan moden hari ini begitu canggih sehingga mampu mengenal pasti pelbagai jenis penyakit seperti barah, darah tinggi, lemah jantung serta penyakit yang lain. Perkembangan sains selepas penemuan mikroskop, antibiotik, x-ray, ubat bius dan vaksin juga telah memberi banyak kemudahan kepada para doktor dalam mengendalikan pesakit. Apabila membincangkan punca penyakit dan sebab berlakunya, wujud beberapa faktor seperti keturunan atau genetik, tekanan hidup, pengambilan makanan, virus serta kuman yang menjadi kayu ukur dalam menentukan seseorang itu telah dihidapi penyakit. Walaubagaimanapun, terdapat punca penyakit yang tidak dititikberatkan oleh perubatan moden barat iaitu pengaruh jin dan syaitan pada masalah kesihatan manusia. Elemen yang berkaitan jin dan syaitan ini tidak

dimasukkan di dalam silibus perubatan kerana ianya tidak bersifat eksperimental serta mereka memisahkan agama dengan dunia. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti adakah jin dan syaitan menjadi punca penyakit pada manusia dan bagaimana mereka meresapi tubuh badan manusia sehingga menyebabkan pelbagai penyakit zahir dan batin. Penulisan ini menggunakan kajian perpustakaan atau *library research*. Kesimpulan yang dapat dilakukan dalam kajian ini ialah, jin dan syaitan menjadi sebab penyakit seperti yang berlaku pada Nabi Adam AS yang terkena penyakit rohani iaitu was-was, manakala Nabi Ayub AS yang menderitai penyakit kulit selama 18 tahun.

**Kata kunci:** Perubatan, jin dan syaitan, penyakit zahir, penyakit batin

---

## Pengenalan

Ujian tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia sehingga hari kiamat. Ujian diibaratkan seperti pertukaran siang dan malam yang datang silih berganti walaupun tanpa diundang. Oleh itu, sebagai umat Islam yang beriman, mereka wajib meyakini bahawa Allah SWT tidak pernah menzalimi hambanya, sebaliknya mahu menguji siapa dikalangan hambanya yang paling bertaqwa. Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Quran bahawa Dia pasti memberi ujian kepada bani Adam dalam firmanNya:

وَلَنَلْبُوْكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمْ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan tanaman. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada-Nyalah kami kembali”

(Al-Baqarah 2: 155-156)

Ditimpa sesuatu penyakit dilihat sebagai salah satu ujian daripada Allah SWT. Menurut sudut pandang sarjana Islam, penyakit seperti HIV/AIDS merupakan bala kepada umat manusia kerana mereka telah melakukan perbuatan yang dimurkai Allah SWT serta melanggar syariat Islam<sup>1</sup>. Walaubagaimanapun, penyakit yang dideritai oleh orang Muslim merupakan elemen penghapus dosa buat mereka yang mahu bertaubat dan bersabar. Kesihatan merupakan anugerah Allah yang amat berharga. Rasulullah SAW ada mengingatkan 5 perkara yang perlu direbut oleh umat Islam di mana salah satunya ialah, masa sihat sebelum datangnya masa sakit.

Nikmat sihat yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya seharusnya disyukuri dan dinikmati oleh para hambanya dengan melakukan amal kebaikan kerana apabila mereka sakit, untuk melakukan sesuatu ibadah pastilah akan menjadi lebih sukar. Terdapat hadis Nabi SAW yang menyebutkan ganjaran pahala yang dimiliki oleh orang beriman apabila sabar menghadapi sesuatu penyakit serta dihapuskan dosa apabila redha menerima ujian tersebut. Hikmah disebalik sakit dan musibah diterangkan Rasulullah SAW, dimana beliau bersabda<sup>2</sup>:

---

<sup>1</sup> Malik Badri, “HIV/AIDS: Modernitas Barat Versus Moralitas Islam” dalam AIDS dalam Islam: Krisis Moral @ Krisis Kemanusiaan, ed. Ahmad Shams Madyan (Bandung: Mizan Pustaka, (2009), 81.

<sup>2</sup> Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail, Sahih Al-Bukhari, terj. Dr Muhammad Muhsin Khan, jld 7, 371.

“ Tidaklah seseorang muslim tertimpa suatu penyakit dan sejenisnya, melainkan Allah SWT akan menggugurkan bersamanya dosa-dosanya seperti pohon yang menggugurkan daun-daunnya”.

Pada hadis yang lain, Rasulullah SAW menyebutkan setiap penyakit ada penawarnya. Apabila Allah SWT menurunkan penyakit, maka Dia jualah yang menurunkan ubat bersama penyakit itu. Demikian juga dalam memahami kesembuhan sesuatu penyakit, satu hal yang perlu diyakini ialah faktor kesembuhan adalah datang sepenuhnya dari Allah SWT, bukannya bersandar kepada pengubatan tertentu semata-mata. Tambahan pula, keyakinan ini berhubung rapat dengan akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah yang berkait tiga perkara iaitu serebab, musabbab dan musabbib al-asbab. Oleh yang demikian, amatlah ditegah apabila meyakini bahawa ubatlah yang menyembuhkan sakitnya, sebaliknya Allah SWT yang Maha Kuasa memberi kesembuhan kepada mereka.

Tiga perkara yang berhubung dengan akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah melibatkan sebab, musabab dan musabbib al-asbab dapat difahami dengan contoh peristiwa yang diberikan. Apabila seseorang ditimpa sesuatu penyakit, wujud beberapa faktor yang menyebabkan penyakit itu berlaku. Ekoran itu, faktor tersebut dapat difahami sebagai sabab. Setelah mengetahui faktor-faktor yang terkait dengan penyakit, pesakit akan diberikan ubat-ubatan. Ubat yang dimakan oleh pesakit tersebut adalah musabab iaitu terkait dengan bagaimana kesembuhan boleh berlaku. Akhir sekali, konsep musabbibal asbab adalah meyakini bahawa penyakit tersebut sebenarnya disembuhkan oleh Allah SWT walaupun wujud faktor yang menyebabkan penyakit dideritai dan terdapat rawatan ubat-ubatan yang menyebabkan sembuhnya penyakit<sup>3</sup>. Oleh itu, asas akidah ini seharusnya dijadikan pegangan utuh bagi setiap umat Islam supaya dapat mengakui kekurangan manusia sememangnya wujud dan meyakini kudrat dan iradat yang diberikan kepada mereka adalah bersandarkan kepada Allah SWT semata-mata.

### **Definisi Perubatan Islam**

Melihat kepada perkembangan ilmu perubatan moden masa kini, pastilah ilmu perubatan itu tidak berkembang dalam sekelip mata sahaja, tetapi ianya mengalami fasa-fasa perkembangan ilmu secara berperingkat dari satu generasi kepada generasi yang lain dan melibatkan ramai tokoh perubatan samada yang dikenali mahupun tidak tertulis dalam sejarah perkembangannya<sup>4</sup>.

Dari segi bahasa, maksud perubatan seperti di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat ialah perihal berubat, yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati<sup>5</sup>. Selain itu, maksud yang lain ialah perihal mengubati atau menyembuhkan penyakit dan pesakit, tempat mengubat orang sakit (pengubatan)<sup>6</sup>. Secara umumnya, Ibnu Sina (980-1036) mendefinisikan perubatan sebagai ilmu mengenai kesihatan dan kesakitan keadaan tubuh manusia di mana tujuannya ialah untuk menjaga kesihatan dan berusaha memulihnya apabila ia hilang. Menurut Ishak Masud,

---

<sup>3</sup> Jahid Sidek, *Memahami Asas-asas Penyakit Dan Rawatannya Menurut Islam*. Kertas kerja Seminar Perubatan Islam (SEPIM), 2012.

<sup>4</sup> Rasid Muhamad, *Matra Tamadun Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1996, 30.

<sup>5</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1753.

<sup>6</sup> *Ibid*

perubatan Islam sebagai pengamalan satu sistem yang paradigma, bersumberkan konsep nilai serta prosedur yang tidak bertentangan dengan dasar umum al-Quran dan al-Sunnah<sup>7</sup>. Menurut Ahmad El Qadi pula, perubatan Islam mempunyai ciri-ciri berikut: i- terbaik dan termaju, ii- berlandaskan tauhid dan etika keislaman, iii- berperaturan dan berorientasi, iv- menyeluruh iaitu meliputi fizikal, psikologi, mental dan spiritual, v- universal, vi- saintifik. Selain itu, ciri-ciri perubatan Islam menurut Sulaiman Nordin adalah berdasarkan ilmu wahyu, baik dari al-Quran atau al-Sunnah. Segala ciri-ciri perubatan yang dipraktikkan oleh seseorang Muslim yang bertentangan dengan ilmu wahyu, ia tidak boleh dianggap perubatan Islam<sup>8</sup>.

### Sejarah Ilmu Perubatan Islam

Apabila merungkai sejarah ilmu perubatan, dapatlah dikatakan bahawa kemajuan teknologi sains perubatan moden yang dikecapi masa kini adalah hasil usaha para sarjana Islam yang banyak mengabadikan segala keringat dan buah fikiran semata-mata mengangkat martabat profesion perubatan Islam ke pentas dunia. Sistem perubatan Islam pada asalnya dikembangkan melalui teori dan pengamalan masyarakat kuno seperti masyarakat Babylon dan masyarakat Mesir Kuno dimana kebanyakannya mempercayai sesuatu penyakit adalah berpunca daripada roh-roh jahat. Ilmu sihir dijadikan asas penting dalam rawatan penyakit, manakala ilmu nujum pula digunakan untuk mengenali jenis-jenis penyakit yang dideritai oleh manusia. Tidak kurang juga, ilmu perubatan Yunani yang berkembang kira-kira tiga ratus tahun sebelum Masihi membawa pengaruh yang besar dalam perkembangan ilmu perubatan Islam<sup>9</sup> lebih-lebih lagi setelah disiplin ilmu perubatan mengenai penyakit mulai dikaji secara eksperimental oleh A'bfarat (450-370 BC). Pada akhirnya, ilmu-ilmu yang dceduk daripada ilmu perubatan kuno dan Yunani ini tidak diserap terus kedalam agama Islam, sebaliknya ilmu tersebut ditapis oleh sarjana perubatan Islam supaya ianya selari dengan tuntutan wahyu Ilahi.

Adalah sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi bahawa umat Islam telah mencapai pelbagai kecemerlangan terutama dalam bidang sains dan teknologi ketika masyarakat dunia, khususnya masyarakat Barat masih berada di era kegelapan antara kurun ke-7 hingga ke-13 dan era penemuan antara 1400M hingga 1600M. Hal ini terjadi berikutan Khalifah Al-Makmun Al-Abassi memerintahkan supaya diterjemahkan buku-buku perubatan daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Selain itu tokoh-tokoh Muslim yang mahsyur seperti Ibnu Sina, Ibnu Nafis, az-Zahrawi, Abu Bakar al-Razi, Ibnu Zuhr merencanakan lagi penemuan-penemuan baru dalam bidang kedokteran. Mereka menjadi perintis dalam banyak bidang perubatan seperti ilmu *farmakologi* (kajian tindakan dadah keatas badan), *oftalmologi* (kajian mata), *farmasi* (ilmu membuat ubat), *farmakognosi*, perubatan internal, pembedahan dan hospital Islam pertama Al-Bimaristan yang dijadikan model untuk rumah sakit<sup>10</sup>. Ketika negara Eropah berada di zaman kegelapan, agama Kristian telah mengharamkan amalan perubatan sehingga ramai pengamal-

---

<sup>7</sup> Ishak bin Masud. Etika Perubatan dari Perspektif Islam, kertas kerja Seminar Islam Dan Pemindahan Organ, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. (IKIM) 29-30 Okt 1996.

<sup>8</sup> Sulaiman Nordin. *Ilmu Perubatan Menurut Perspektif Islam, di dalam Sains Menurut Perspekti Islam*, (t.pt), (t.th).

<sup>9</sup> Ismail Saad. Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, 1985.

<sup>10</sup> Muhammad Muhd Taib. *Perubatan Islam Masa Kini*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), 1997.

pengamal perubatan dari Rom telah lari ke Parsi. Paderi-paderi mengatakan bahawa penyakit itu adalah takdir tuhan dan menerima rawatan dianggap sebagai melawan kehendak tuhan.

Pada akhir kurun ke-13, sejarah hitam bagi ketamadunan umat Islam tercatat selepas tercetusnya peperangan Salib (*crusade*) diantara tahun 1095 hingga 1291. Seterusnya pemerintahan kerajaan Islam menjadi lemah dengan jatuhnya kerajaan Sepanyol, Baghdad dan Turki selepas peperangan Salib. Oleh kerana pemerintahan menjadi kucar-kacir, ilmu sains dan perubatan turut menerima kesan yang tidak memberangsangkan di negara-negara Islam. Semua buku ilmiah sarjana Islam di Cordoba dan Baghdad dibawa balik ke Eropah dan diterjemah balik ke bahasa Latin dan Inggeris. Maka, perkembangan ilmu sains mulai mendapat tempat di kalangan masyarakat Eropah sehingga mampu mempengaruhi dunia keseluruhan sehingga sekarang<sup>11</sup>. Pada kurun ke 14, ahli sarjana Eropah mula mencipta nama dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sains dan sosial ekoran pencapaian cemerlang mereka dalam pelbagai bidang keilmuan. Kesempatan ini digunakan dengan mewujudkan teori-teori yang bertentangan dengan akidah Islam seperti teori evolusi yang diperkenalkan oleh Charles Darwin dan teori psikologi Sigmund Freud pada awal kurun ke-20. Teori ini turut diajar di sekolah-sekolah supaya orang Islam menerimapakai konsep barat (*westernize*) walaupun ianya jelas bercanggah dengan akidah umat Islam Berikut adalah rentetan ringkas mengenai fasa-fasa kegemilangan perubatan moden Eropah yang telah mempengaruhi dunia keseluruhannya sehingga mampu menjadi rujukan dunia pada abad ini<sup>12</sup>:

1. Perubatan Renaissance (abad ke 14 hingga ke 17): Kajian ilmu anatomi telah dilakukan oleh Andreas Vesalius dengan menggunakan buku sains yang diterjemah dari bahasa Arab. Pada masa ini, amalan farmaseutikal Arab diperbaiki menggunakan pendekatan baru.
2. Perubatan semasa Revolusi Industri (abad 17 hingga 18): Tokoh ilmuan Eropah iaitu William Harvey menemui sistem pengaliran darah pulmonari yang sebenarnya telah ditulis oleh al-Nafis pada abad ke 13. Anton van Leeuwenhoek, seorang pembuat jam Belanda, menggunakan mikroskop dan menjumpai sel darah merah, bakteria dan protozoa. Manakala Edward Jenner, telah mencipta vaksinasi selepas menjumpai penyakit '*cowpox*' dan '*smallpox*' yang pada asalnya teori tersebut telah dibangunkan oleh al-Razi dalam karyanya berjudul *Al-Mansuri*.
3. Perubatan abad ke 19: Perubatan di zaman ini terhasil daripada penemuan Louise Pasteur di dalam bidang mikrobiologi, Robert Koch di dalam bidang bakteriologi, Joseph Lister dalam bidang antiseptik, William Morton dalam bidang anesthesiologi dan ahli fizik Jerman yang mendapat hadiah Nobel pertama, Wilhelm Roentgen yang mencipta x-ray.
4. Perubatan moden abad ke 20: Kemajuan sains melibatkan alat-alat perubatan moden untuk membantu pengesanan dan rawatan penyakit mulai berkembang dalam bidang elektronik, komputer dan radioaktif. Selain itu, penemuan antibiotik penisilin oleh Alexander Fleming pada tahun 1928 membawa impak yang besar dalam bidang perubatan moden. Akhir sekali, ciptaan radiografi oleh Madam Curie berjaya mencuri perhatian dunia khususnya dalam bidang perubatan.

---

<sup>11</sup> Ishak Md. Sood (1997). *Sejarah dan Sumbangan Islam dalam Dunia Perubatan*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).

<sup>12</sup> Kamaruzaman Wan Su (2011). *Kronologi Sistem Perubatan Islam*. Kertas Kerja Konvensyen Hospital Mesra Ibadah kali ke 3, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kota Bahru, Kelantan.

5. Perubahan moden abad ke 21 dan alaf baru: Peningkatan ilmu sains dalam bidang genetik menimbulkan banyak masalah etika perubahan daripada penyelesaian penyakit. Banyak penyakit baru muncul seperti SARS, H1N1, HIV dan AIDS.

Secara kesimpulannya, perubatan Islam lebih dikenali sebagai perubatan wahyu atau *tibb nabawi* muncul selepas kemunculan Nabi Muhammad SAW dan terus berkembang di bawah naungan ketamadunan Islam. Bidang perubatan berkembang melalui beberapa tahap dan peringkat zaman iaitu zaman penterjemahan pada kurun ke-7 dan ke-8, zaman keemasan sekitar antara kurun ke-9 hingga kurun ke-13 dan zaman kemerosotan apabila perubatan dan cabang sains yang lain menjadi tidak giat dan menurun selepas kurun ke-13. Pada masa yang sama Renaissance dan Revolusi Industri telah berlaku di Eropah pada abad ke 14 hingga ke 17 telah berjaya mempengaruhi dunia khususnya dalam ilmu perubatan sehingga sekarang<sup>13</sup>. Para sarjana Islam tidak memberi takrifan perubatan Islam secara khusus, tetapi ianya dapat difahami berdasarkan tahap pencapaian ilmu perubatan yang ada pada zaman tersebut. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa perubatan Islam adalah satu bidang ilmu dan amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan di mana terkandung di dalamnya paradigma, konsep, nilai tatacara ujian serta rawatan yang selaras dan tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW<sup>14</sup>.

### **Campur Aduk Ilmu Perubatan Islam Dengan Perubatan Barat**

Secara hakikatnya, jika mereka melihat kepada ilmu perubatan barat moden yang berdiri megah pada hari ini sebenarnya banyak merujuk kepada buku-buku serta kajian-kajian yang direkodkan oleh para ilmuan Islam seperti Ibn Sina, Ibn Nafis, Abu Bakar al-Razi dan ramai tokoh yang lain. Daripada apa yang telah dipaparkan oleh sejarah, ternyata tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang bukan sedikit dalam bidang perubatan, malahan hasil kerja mereka menjadi punca kepada perubatan moden. Rujukan ilmuan Islam ini adalah yang paling utama dari sudut kesahihannya dan akan terus menjadi catatan sejarah dalam dunia perubatan umat Islam dan Barat terutama Eropah.

Melalui pendekatan universal dan syumul dalam konsep ilmu perubatan Islam, pengkaji merasakan adalah tidak wajar apabila ada yang menganggap perubatan traditional atau rawatan secara spiritual adalah satu-satunya perubatan yang dilabel sebagai rawatan Islam. Malahan, ada pendapat yang lebih ekstrim yang menganggap perubatan moden barat atau perubatan *allopathy* dari sudut rawatannya adalah bukan daripada agama Islam. Salah faham ini mungkin timbul disebabkan faktor penggunaan istilah yang tidak sejajar iaitu 'perubatan spiritual' sering digunapakai oleh masyarakat awam sebagai rawatan secara Islam, manakala istilah 'perubatan barat' difahami sebagai rawatan konvensional dari barat semata-mata. Tambahan pula, terapi ayat-ayat al-Quran yang digunakan dalam perubatan traditional Islam sebagai rawatan menyembuhkan penyakit dilihat begitu erat dalam aspek keagamaan, berbanding rawatan moden barat yang memaparkan penggunaan antibiotik, x-ray, ubat bius dan vaksin yang dianggap lebih saintifik dalam mengendalikan pesakit. Tuntasnya, perubatan traditional Islam mahupun perubatan moden barat yang dipraktikkan oleh orang Islam selagi menepati ciri-ciri

---

<sup>13</sup> Kasule O.H. (2005) Concept of Islamic Medicine. *Int. Med J*, Vol 4 No 1.

<sup>14</sup> Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan*. Jabatan Agama Islam Selangor, 2011.

yang berlandaskan Islam adalah profesion yang mulia dan diiktiraf oleh agama Islam sebagai perubatan Islam<sup>15</sup>.

### Konsep Kesihatan Dan Penyakit

Bagi memahami konsep kesihatan dan penyakit, maka dapatlah dilihat bahawa terlalu ramai di kalangan ahli perubatan silam mahupun moden yang mengemukakan pendapat mereka berdasarkan kecenderungan dan fahaman ideologi masing-masing. Kesihatan menurut WHO (World Health Organization) adalah suatu keadaan jasmani, akal dan sosial yang sempurna dan bukan hanya bebas dari penyakit dan kelemahan semata-mata. Sakit pula ialah apabila wujudnya keadaan yang menyebabkan seluruh tubuh atau sesuatu bahagiannya tidak segar atau badan berada dalam keadaan tidak sihat atau uzur. Manakala, penyakit ialah sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit atau wujudnya sesuatu keadaan yang mengganggu kesihatan manusia<sup>16</sup>.

Pada zaman kuno sebelum Islam, masyarakat mempercayai bahawa punca penyakit adalah disebabkan roh-roh jahat dan hantu syaitan. Roh-roh jahat ini dihantar oleh Tuhan kerana murka dengan kesalahan yang dilakukan oleh pesakit, lalu ditimpakan sesuatu penyakit sebagai balasan atas perbuatannya. Orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam juga mengaitkan punca penyakit dengan semangat ruh-roh jahat serta sering mendapatkan tukang-tukang sihir bagi mendapatkan rawatan. Pada zaman itu juga, punca penyakit dapat diteliti melalui bintang-bintang dan cakerawala dengan menilik jenis-jenis penyakit dan meramal waktu penyakit tersebut akan berlaku. Setiap planet mewakili anggota badan tertentu sebagai contoh, planet Marikh dikaitkan dengan penyakit yang melibatkan rahim dan urat saraf. Pendekatan alam melibatkan tilikan penyakit menggunakan matahari dan bulan adalah dianggap penyakit yang paling serius. Kemunculan A'fqarat melahirkan arena baru dalam pemahaman ilmu secara lahiriah dengan teori penyakit terjadi akibat daripada ketidakseimbangan di dalam badan sendiri, bukan disebabkan faktor luaran seperti kuasa ghaib yang dipercayai oleh kebanyakan masyarakat sebelumnya<sup>17</sup>.

Apabila meneliti makna sakit, secara dasarnya membawa maksud ketidakseimbangan sistem-sistem yang terdapat pada tubuh manusia. Hal ini turut dinyatakan oleh ahli falsafah Greek yang terkenal iaitu Plato (427-347BC), dimana beliau menyatakan penyakit terjadi apabila berlaku ketidakseimbangan terhadap empat jenis cecair di dalam organ-organ badan. Teori mengenai jenis-jenis cecair di dalam tubuh manusia telah dimulai oleh Jalinus (130-200M). Beliau menghasilkan kira-kira 100 buah buku dan penulisan beliau telah dijadikan rujukan perubatan selama empat belas abad lamanya. Malahan, pendapat beliau turut diraikan oleh ahli perubatan Islam sehingga mereka membuat kesimpulan bahawa wujudnya unsur 'cecair' di dalam tubuh manusia selain daripada 'roh' dan 'bebeku' (daging dan tulang).

---

<sup>15</sup> Jahid Sidek. *Satu Pengenalan Rawatan Spiritual/Tradisional Islam*, Kertas Kerja Seminar Perubatan Islam Anjuran Bersama United Sabah Islamic Association (USIA) dan Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (BUDI) pada 13 Mei 2012.

<sup>16</sup> Zulekha Yusuff et,al, *Sains Kesihatan Dalam Tamadun Islam*, Universiti Teknologi Mara. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn.Bhd. (2006).

<sup>17</sup> Ahmad Taha. *Kedokteran Islam*, terjemahan Ismail Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, 1992.

Menurut Jalinus, cecair terdiri daripada *humor* dan unsur ini pula terbahagi kepada empat iaitu darah (*blood*), balgham (*phlegm*), hempedu kuning (*yellow bile*), dan hempedu hitam (*black bile*). Seterusnya, beliau memperincikan lagi penerangan beliau di mana empat jenis cecair ini terkait dengan temperamen iaitu darah adalah panas dan basah, balgham adalah sejuk dan basah, hempedu kuning adalah panas dan kering, dan hempedu hitam adalah sejuk dan kering (Ahmad Taha, 1992). Perbincangan mengenai cecair, bebeku dan roh adalah perbincangan yang sangat panjang dan kompleks bagi seseorang untuk memahaminya. Hal ini kerana, istilah yang digunapakai oleh ahli perubatan silam kadang kala perlu disesuaikan dengan istilah ahli perubatan moden yang digunakan pada masa kini. Selain itu, perbincangan ini lebih sesuai diterjemahkan secara ilmiah khusus untuk ahlinya yang sememangnya menerajui profesion perubatan. Oleh itu, pengkaji tidak berniat untuk mengupas perbincangan ini dengan lebih terperinci, cukup sekadar mengetahui ilmu-ilmu asas anatomi dan fisiologi yang menyatakan penyakit-penyakit terjadi disebabkan ketidakseimbangan tubuh manusia.

Ibn Qayyim (691-751h), yang tersohor dengan karyanya berjudul *al-Tibb al-Nabawi* diangkat sebagai tokoh perubatan Islam yang paling diagungkan ilmunya dan pandangan beliau yang universal terhadap selok belok ilmu perubatan diterimapakai oleh kebanyakan sarjana Islam. Menurut Ibn Qoyyim, beliau membahagikan kategori penyakit kepada dua jenis iaitu penyakit rohani yang berkaitan dengan hati (*marad al-qulub*) dan penyakit jasmani yang berkaitan dengan sistem tubuh badan (*marad al-abdān*). Penyakit hati dibahagikan kepada dua iaitu penyakit keraguan serta penyakit nafsu syahwat. Selanjutnya, beliau memperincikan lagi penyakit rohani terjadi hasil daripada gangguan dan penguasaan roh luaran iaitu jin dan syaitan terhadap orang yang diganggu seperti sihir dan kerasukan. Manakala, penyakit fizikal boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor fizikal, iaitu penyakit yang terjadi hasil daripada serangan kuman, virus, bakteria dan sebagainya atau terjadi akibat kecederaan dan terhenti atau tergendalanya fungsi sesuatu anggota badan manusia. Contoh bagi penyakit fizikal ialah darah tinggi, demam panas, sakit lemah jantung, luka, patah tangan dan sebagainya<sup>18</sup>.

Merujuk kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa punca penyakit adalah bermula daripada fahaman penyakit berasal daripada roh jahat, susunan bintang dan planet, serta pemahaman secara saintifik yang melibatkan ketidakseimbangan tubuh badan manusia.

### **Pengaruh Jin Dan Syaitan Dalam Aspek Kesihatan Manusia**

Perubatan moden Barat menentukan punca seseorang mendapat penyakit melalui kajian makmal serta mengaitkan punca penyakit dari gaya kehidupan manusia itu sendiri seperti faktor keturunan atau genetik, tekanan hidup, pengambilan makanan, serta kuman dan virus. Walaubagaimanapun, pengkaji berpendapat adalah jarang disebutkan secara meluas dalam perspektif perubatan moden bahawa punca penyakit adalah daripada jin dan syaitan khususnya penyakit yang berkaitan fizikal manusia.

Punca penyakit ini tidak dititikberatkan oleh perubatan moden barat dalam masalah kesihatan manusia. Malahan, elemen yang berkaitan jin dan syaitan ini tidak dimasukkan di dalam silibus perubatan kerana ianya tidak bersifat eksperimental serta mereka memisahkan agama dengan dunia. Teori secara kasarnya sudah ada, seperti yang disebutkan oleh Ibn Qoyyim iaitu penyakit rohani terjadi hasil daripada gangguan dan penguasaan roh luaran iaitu jin dan syaitan terhadap orang yang diganggu seperti sihir dan kerasukan. Namun, apabila sampai

---

<sup>18</sup> Ali Munis. *Pengubatan Cara Rasulullah SAW.*, Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn.Bhd, 1995.



kepada pengetahuan masyarakat awam, mereka merasakan ianya hanyalah unsur mistik, malahan tidak dapat dikesan melalui alat teknologi perubatan apabila melibatkan masalah kesihatan fizikal manusia.

Adalah menjadi satu kehairanan apabila, pesakit mengadu sakit-sakit dibahagian tertentu, tetapi apabila pemeriksaan dilakukan, simptom-simptom yang diagnosis tidak dapat membuktikan seseorang tersebut adalah sakit. Selain itu, penyakit- penyakit yang berkaitan spiritual atau yang melibatkan masalah jiwa seperti kecelaruan skizofrenia, kemurungan, fobia sosial, dan delusional diraikan oleh ahli psikologi barat sebagai masalah kesihatan mental semata-mata. Menurut Mahyuddin Ismail, beliau berpendapat bahawa penyakit-penyakit mental mempunyai kaitan dengan gangguan jin dan syaitan. Berdasarkan hujah beliau, kebiasaannya pesakit psikiatri boleh melihat, dapat mendengar atau merasa sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia lain<sup>19</sup>. Pada hakikatnya, hal tersebut ada kaitannya dengan jin dan syaitan kerana simptom tersebut adalah menyamai dengan kisah Rasulullah SAW yang telah disihir oleh seorang lelaki Yahudi. Rasulullah SAW telah disihir sehingga baginda merasakan dirinya telah mendatangi salah seorang isterinya, padahal keadaan tersebut hanyalah bayangan sahaja dan tidak berlaku sama sekali. Imam al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam Kitab Sahihnya<sup>20</sup> dari Sayyidatina 'Aisyah RAH:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ سَخَّرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مِنْ بَنِي زُرَيْقٍ يُقَالُ لَهُ لَيْبِدُ بْنُ الْأَعْصَمِ حَتَّى كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّهُ إِلَيْهِ أَنَّهُ كَانَ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ عِنْدِي لَكَيْتُهُ دَعَا وَدَعَا ثُمَّ قَالَ يَا عَائِشَةُ أَسْعَرْتَ أَنَّ اللَّهَ أَتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَ أَحَدُهُمَا عِنْدَ رَأْسِي وَالْآخَرُ عِنْدَ رِجْلِي فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ مَا وَجَعِ الرَّجُلِ فَقَالَ مَطْبُوبٌ قَالَ مَنْ طَبَّهُ قَالَ لَيْبِدُ بْنُ الْأَعْصَمِ قَالَ فِي أُمَّي شَيْءٌ قَالَ فِي مُشْطٍ وَمُشَاطَةٍ وَخُفِّ طَلَعِ نَخْلَةٍ ذَكَرَ قَالَ وَأَيْنَ هُوَ قَالَ فِي بَيْرِ دَرَوَانَ فَأَنَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَاسٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَبَجَاءَ فَقَالَ يَا عَائِشَةُ كَأَنَّ مَاءَهَا نُقَاعُهُ الْحِنَاءُ أَوْ كَأَنَّ رُءُوسَ نَخْلِهَا رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا اسْتَحْرَجْتَهُ قَالَ قَدْ عَاقَبَنِي اللَّهُ فَكْرَهْتُ أَنْ أُتَوَّرَ عَلَى النَّاسِ فِيهِ شَرًّا فَأَمَرَ بِهَا فُدْفِنَتْ تَابِعَهُ أَبُو أُسَامَةَ وَأَبُو صَمْرَةَ وَأَبْنُ أَبِي الرَّيَّادِ عَنْ هِشَامٍ وَقَالَ اللَّيْثُ وَأَبْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ هِشَامٍ فِي مُشْطٍ وَمُشَاقَةٍ يُقَالُ الْمُشَاطَةُ مَا يَخْرُجُ مِنَ الشَّعْرِ إِذَا مُشِطَ وَالْمُشَاقَةُ مِنَ مُشَاقَةِ الْكَتَّانِ

Yang bermaksud:

"Rasulullah SAW telah disihir oleh seorang Yahudi dari Bani Zurayq iaitu Labid bin al-A 'sam sehingga terbayang kepada khayalan Rasulullah SAW bahawa baginda melakukan sesuatu yang tidak dilakukannya. Hal ini berterusan sehinggalah pada satu hari, baginda SAW berada di sampingku (Aisyah) di dalam keadaan berdoa dan terus berdoa. Kemudian Baginda bersabda: "Wahai 'Aisyah, aku mengetahui bahawa Allah SWT telah memperkenankan permohonanku. Dua orang lelaki (Jibril dan Mikail) telah datang kepadaku. Jibril berada di kepalaku dan Mikail di kakiku. Mikail bertanya kepada Jibril: "Apakah penyakit lelaki ini?" Kata Jibril: "Dia telah disihir". "Siapakah yang menyihirnya?" Jawab Jibril: "Labid al-A 'sam ". Mikail

<sup>19</sup> Mahyuddin Ismail. *Ahli Sihir Ke Tali Gantung*, Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd, 2011.

<sup>20</sup> Terjemahan Sahih Bukhari, Jilid VII. CV Asy Syifa', Hadis no. 5321, Semarang. Cetakan Pertama, Juli 1993.

menyambung pula: "Sihir itu dibuat menerusi apa? " Jibril menjelaskan: "Dibuat pada sikat rambut yang dililit rambut padanya, juga pada batang tamar jantan kering beserta seludangnya". Mikail bertanya lagi: "Di manakah terletak barang-barang tersebut? " Jibril berkata: "Di dalam telaga Arwan."

Berdasarkan kisah Rasulullah SAW disihir, dapatlah diketahui bahawa punca penyakit juga boleh terkena seseorang melalui sihir. Ilmu mengenai jenis penyakit dan sebab berlakunya penyakit adalah ilmu yang sangat penting. Hal ini kerana, dengan mengetahui punca penyakit dengan tepat, maka rawatan yang akan diberikan juga adalah sesuai dengan masalah yang dihadapi dan akhirnya menatijahkan kesembuhan kepada pesakit. Menurut Jahid Sidek, ilmu perubatan yang ada pada Rasulullah SAW adalah yang paling unggul kerana baginda seolah-olah telah melakukan kajian terhadap jenis-jenis penyakit, punca terjadinya dan rawatan yang paling sesuai digunakan. Ada cara-cara yang tertentu dilakukan bagi menyembuhkan pesakit, ada penyakit yang dirukyahkan, didoakan, ditiup kearah bahagian badan pesakit, ada yang dipukul oleh tangan sekuat-kuatnya, ada diarah supaya membuat pembedahan dan ada diarah makan ubat-ubatan daripada tumbuhan herba<sup>21</sup>. Kesemua cara ini adalah berbeza-beza mengikut jenis penyakit zahir dan batin. Berbagai cara dan formula yang diajarkan oleh Rasulullah SAW tanpa istilah saintifik ternyata ianya sembuh jika kena caranya, pastilah umat manusia tiada yang menghadapi penyakit. Persoalannya, adakah kaedah rawatan moden mahupun traditional yang digunakan masa kini adalah benar-benar sesuai dengan penyakit fizikal dan jasmani yang dideritai oleh pesakit.

### Perbahasan Ulama Mengenai Jin Dan Syaitan

Perbahasan mengenai jin dan syaitan yang akan diterangkan di dalam penulisan ini tidaklah begitu tersusun dan terperinci, namun aspek yang ingin ditekankan oleh pengkaji ialah apakah pandangan ulama silam dan kontemporari dalam mengulas definisi jin dan syaitan serta aspek yang boleh dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan manusia. Jin adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT daripada api. Syeikh Muhammad Amin Al-Kurdi dalam kitab *Tanwir Al-Qulub* berkata:

ويجب الإيمان بوجود الجن إجماعاً لثبوت ذلك بالكتاب والسنة في مواضع أشهر من أن تُذكر

Yang bermaksud :

“Wajib beriman dengan adanya jin yang merupakan *ijma'*, kerana hal tersebut ditetapkan berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyebutkannya di banyak tempat.”<sup>22</sup>

Di dalam al-Qur'an, kata akar *جَن* disebutkan sebanyak 38 kali dalam bentuk *جَنَّ*, *جَانَّ*, dan *جَنَّة*. Kata *جَن* (jin) berasal dari kata kerja *جَنَّ* (*janna*) yang artinya menjadi gelap, menutupi, atau bersembunyi. Oleh karena itu, bayi yang dikandung oleh ibu disebut janin, kerana tertutup dari pandangan manusia di dalam perut. Menurut Ibnu Duraid (223-321 H), kata al-jinnu merupakan sesuatu yang tersembunyi dari manusia. Jika dikatakan, *jannahu al-lail* ertinya sama iaitu malam yang gelap bagi manusia. Setiap sesuatu yang tersembunyi dari pengetahuanmu disebut *junna*

<sup>21</sup> Jahid Sidek. *Satu Pengenalan Rawatan Spiritual/Tradisional Islam*, Kertas Kerja Seminar Perubatan Islam Anjuran Bersama United Sabah Islamic Association (USIA) dan Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (BUDI) pada 13 Mei 2012.

<sup>22</sup> Syeikh Muhammad Amin Al-Kurdi, *Tanwirul Qulub* (Mesir : Maktabah Al-Kurdi, 2016), 58

'anka. Oleh yang demikian, kalimah-kalimah yang digunakan di dalam al-Quran merangkumi maksud yang tersendiri mengikut situasi yang ada pada ayat tersebut. Ada ayat yang digunakan untuk menjelaskan asal penciptaanya daripada api, ciri-cirinya yang dapat melihat manusia serta ada juga ayat yang menceritakan keistimewaan jin sepertimana dalam kisah Nabi Sulaiman.<sup>23</sup>

Selanjutnya, syaitan menurut bahasa Arab pula adalah *ruhun syarirun* bermaksud roh jahat atau buruk, *al-hayatul khabitsah* atau kehidupan yang buruk dan *mutamarridun madsadun* atau penderhaka yang merosak. Syaitan secara istilah adalah sifat jahat yang tersembunyi dalam diri jin dan manusia yang menimbulkan kerosakan dan kehancuran. Di dalam al-Qur'an, kata "Syaitan" baik mengambil bentuk jamak mahupun tunggal disebut sebanyak 88 kali. Para ulama berbeza pandangan tentang maksud asal kata syaitan dalam dua pendapat. Pertama, syaitan berasal dari kata شطن yang bererti jauh, kerana jauh dari kebenaran atau rahmat Allah SWT. Manakala, pandangan kedua menyatakan bahawa kata syaitan berasal dari kata شيط , شاط yang bererti binasa dan terbakar<sup>24</sup>.

Dalam menafsirkan ayat 102 surah al-Baqarah, Al-Tabari ada menceritakan perihal syaitan yang boleh naik ke langit pada zaman Nabi Sulaiman AS Mereka sentiasa mengambil peluang untuk mengintai-intai dan mencuri dengar akan perintah Allah SWT kepada malaikat mengenai urusan dunia. Setelah berjaya mendengar perbualan para malaikat, syaitan turun ke bumi untuk mengkhabarkan kepada tukang tenung dan ahli nujum dengan menokok-nambah apa yang didengari itu. Tidak lama kemudian, hal yang diceritakan ini benar-benar berlaku. Dengan ini tersebarlah berita bahawa syaitan mengetahui perkara ghaib. Padahal syaitan tidak mengetahui langsung tentang perkara ghaib. Firman Allah SWT telah menegaskan hal tersebut:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ

"Katakanlah (wahai Muhammad)! Sesiapapun, baik di langit mahupun di bumi tidak ada yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah, bahkan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan (kiamat)."

(Surah al-Naml (27: 65)

Dalam pembahasan yang lain, para ulama mengulas adakah jin dan syaitan membawa maksud kata yang sama, atau sebaliknya. Maka pendapat tersebut terbahagi menjadi dua. Menurut Imam Hasaan al-Basri, beliau berpendapat bahawa jin dan syaitan pada asalnya adalah satu. Mereka merupakan cucu cicit iblis sepertimana manusia yang merupakan cucu cicit kepada Nabi Adam. Di antara mereka ada yang mukmin yang taat dan ada juga yang kafir menentang perintah Allah dan sering melakukan maksiat disebut juga sebagai syaitan. Manakala pendapat kedua ialah daripada Ibnu Abbas, di mana beliau mengemukakan pendapat bahawa jin adalah anak keturunan jin juga. Mereka bukanlah syaitan. Di antara mereka ada yang mukmin dan ada pula yang kafir. Selain itu, mereka juga hidup bersosial seperti manusia, ada yang berkahwin, menikmati makanan dan minuman serta akan mati apabila telah sampai waktu yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, syaitan merupakan anak-anak iblis dan tidak mati kecuali bersamaan dengan matinya iblis pada hari kiamat. Selain itu, Imam al-Qurthubi ada memberi ulasan bahawa istilah syaitan juga digunakan untuk menyebut manusia yang derhaka kepada Allah

<sup>23</sup> Irfan Abu Naveed (t.t). *Memahami Alam Jin Berdasarkan Islam*, (t.th).

<sup>24</sup> Muhammad Fuad Abdul Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahros lial-Fad al-Qur'an al-Karim* Kairo: Dar al-Hadis, 2007.

SWT. Penyebutan syaitan untuk manusia yang derhaka ini juga diungkapkan oleh al-Qur'an dalam surah an-Nas, Allah berfirman:

مِن شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ (٤) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ (٥) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ (٦)

"Dari kejahatan (bisikan) syaitan yang biasa bersembunyi, yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia, dari (golongan) jin dan manusia.

(An-nas: 4-6)

Allah SWT juga berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَبَابِطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوجِي بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا ۗ وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ ۗ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ

"Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, yaitu syaitan-syaitan (dari jenis) manusia dan (dan jenis) jin."

[al-An'am: 112]

### Jin Sejenis Virus

Perbahasan mengenai jin dan syaitan telah lama dibincangkan dalam kalangan ulama silam dan kontemporari. Perbincangan tersebut banyak dinukilkan di dalam kitab-kitab tafsir seperti *Tafsir Fi-Zhilal al-Qur'an* karya Sayyid Qutb, *Tafsir al-Qur'an al-Adzim* karya Ibn Kathir, *Tafsir Jalalain* karya Jalal al-Din al-Mahalli dan Jalal al-Din al-Suyuti, *Tafsir al-Maraghi* karya Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Mishbah* karya M. Quraish Shihab, dan *Tafsir Al-Manar* karya Muhammad Abduh. Persoalan-persoalan yang dibincangkan adalah berkisar penafsiran ayat-ayat al-Qur'an tentang unsur kejadian jin, tentang keagamaan jin, tentang kemampuan jin, tentang tugas jin dan tentang jenis jin. Walaubagaimanapun, pengkaji cuma menyebutkan pendapat yang menyatakan jin adalah jenis bakteri atau virus.

Golongan yang mengakui jin sebagai jenis bakteri atau virus ialah Muhammad Abduh. Beliau seorang mujtahid akhir abad ke-19, berpendapat bahawa jin adalah virus atau kuman-kuman penyakit. Beliau merupakan orang yang pertama kali mengemukakan pendapat tersebut diikuti oleh muridnya, Rasyid Ridha. Rasyid Ridha dalam tafsir al-Manar menyatakan bahawa para teologi berpendapat jin adalah makhluk hidup dan tersembunyi. Merungkai kepada maksud ini, makhluk hidup dan tersembunyi iaitu jin dapat dikesan melalui mikroskop dalam sains perubatan moden.<sup>25</sup> Dari sudut pandang pengkaji, jin dan syaitan adalah makhluk ciptaan Allah yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar manusia. Tubuhnya bersifat halus berupa angin yang panas, bukannya berasap seperti yang dapat dilihat. Walaubagaimanapun, melalui ciptaan mikroskop yang menjadi alat bantu manusia, jenis jin kuman dan virus tersebut dapat dilihat. Sememangnya sifat virus menurut kajian sains ialah berterbangan di dalam udara dan berterbangan di sekeliling seseorang. Virus hanya dapat mendatangkan penyakit apabila ia masuk ke dalam struktur sel manusia melalui makanan ataupun salur darah<sup>26</sup>. Oleh yang

<sup>25</sup> M. Amin Mubarak, etl. *Penafsiran Imam Nawawi al-Bantani Tentang Jin dalam Tafsir Marah Labid Kajian Tematik Dalam Tafsir Marah Labid*. 2016, Diya al-Afkar Vol. 4.

<sup>26</sup> Abu Jaafar Mukmin. *Keajaiban Organ Tubuh Manusia: Menurut Perspektif Islam dan Sains*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah, 2001.

demikian, hal ini dapat dikaitkan bahawa virus adalah sejenis jin berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud<sup>27</sup>,

“Allah SWT jadikan jin itu tiga bentuk seperti anak Adam seperti binatang dan seperti angin di ruang udara yang luas”

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh para ulama, dapatlah disimpulkan bahawa kesemua syaitan adalah jahat yang sering mendorong manusia melakukan kejahatan. Manakala jin terdiri daripada jin yang muslim dan kafir, ada yang taat dan ingkar. Jin, iblis dan syaitan merupakan kelompok yang satu. Cuma, iblis dan syaitan merujuk kepada jin yang derhaka kepada Allah dan memusuhi manusia sejak zaman berzaman. Syaitan adalah musuh manusia yang nyata dan disebut di dalam al-Quran. Syaitan juga telah berjanji akan menghasut cucu cicit Nabi Adam a.s supaya mengingkari perintah Allah SWT seperti di dalam al-Quran;

قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ

Iblis berkata: “Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya.”

(al-Hijr 15:39)

### **Punca Nabi Adam AS dan Nabi Ayub AS Terkena Penyakit**

Kisah-kisah dalam al-Qur'an merupakan kisah nyata, di mana kebenarannya telah dijamin oleh Allah SWT. Kisah-kisah tersebut merupakan bukti kebenaran ajaran dan kemujizatan al-Qur'an, juga sebagai teladan, pelajaran, dan peringatan. Di antara kisah di dalam al-Qur'an yang penting untuk dikaji ialah kisah Nabi Adam AS dan Nabi Ayyub AS yang terkena penyakit rohani dan jasmani. Adam AS dan Hawa adalah manusia yang mula-mula diserang oleh penyakit semasa keduanya berada di syurga. Punca penyakit Nabi Adam adalah daripada hasutan Iblis yang berpura-pura menjadi seperti penasihat atau rakan baik kepada Adam, malahan Adam turut terkena penyakit was-was apabila ingin mempercayai ataupun tidak kata-kata yang diucapkan oleh Iblis. Di dalam al-Quran, Allah memberi gambaran tentang bagaimana syaitan menggoda Nabi Adam AS dan Siti Hawa melalui firmanNya:

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَا آدَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْئُتُ

“Kemudian syaitan membisikkan fikiran jahat kepadanya dengan berkata, “Hai Adam, mahukah saya tunjukkan kepada kamu pohon khuldi dan kerajaan yang tidak akan binasa?”.

(Taha 20:120)

Menurut Al-Qurtubi, al-waswas merupakan ajakan syaitan kepada manusia untuk mentaatinya melalui bisikan yang tidak terdengar, tetapi dapat difahami oleh hati, atau bisikan suara lirih yang hanya didengar oleh orang yang dibisikannya<sup>28</sup>. Oleh itu, jenis penyakit yang terkena oleh Nabi Adam AS adalah sejenis penyakit batin atau rohani. Hal ini sepertimana

---

<sup>28</sup> Anisah Setyaningrum. *Iblis Dan Upayanya Dalam Menyesatkan Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an*, STAIN Purwokerto Jawa Tengah, (2013) Indonesia: Hermeneutik, Vol. 7, No.1.

dijelaskan oleh Ibn Qoyyim iaitu penyakit hati dibahagikan kepada dua iaitu penyakit keraguan serta penyakit nafsu syahwat. Iblis juga telah berjaya menawan syahwat kedua-dua Adam AS dan Hawa apabila kedua-duanya menerima baik nasihat iblis. Iblis menegaskan kepada kedua-duanya dengan katanya;

فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْآتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَتَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ

“... Tuhan kamu berdua tidaklah melarang kamu berdua daripada (memakan buah) pokok ini kecuali supaya kamu tidak menjadi malaikat atau supaya kamu berdua tidak boleh kekal hidup di syurga ini.”

(Al-A'raf, 20)

Asasnya di sini, salah satu taktik syaitan dalam menyesatkan manusia adalah berupa hasutan berbentuk angan dan syaitan memberikan janji dan angan-angan terhadap sesuatu yang disukai oleh manusia seperti yang berlaku pada Nabi Adam a.s dan Siti Hawa. Oleh kerana Nabi Adam AS dan Hawa ingin tetap tinggal di syurga dan ingin menjadi malaikat, maka kedua-duanya melanggar perintah Allah dengan memakan buah larangan itu. Akibatnya, Nabi Adam dan Hawa dikeluarkan dari syurga untuk hidup di atas muka bumi, demikian juga anak cucu kedua-duanya, sehinggalah datangnya hari kiamat. Ibnu Qayyim mengatakan, “janji syaitan adalah sesuatu yang menembus ke dalam hati manusia”. Namun, jika seorang hamba itu sentiasa berwaspada dan ingat kepada Rabbnya, maka syaitan akan menjauh dan sukar masuk ke dalam tubuh manusia. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah SAW bersabda<sup>29</sup>,

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنَ الْإِنْسَانِ مَجْرَى الدَّمِّ وَإِنِّي خَشِيتُ أَنْ يَتَدَفَّقَ فِي قُلُوبِكُمْ سُوءًا أَوْ قَالَ شَيْئًا

“ Sesungguhnya syaitan berjalan di dalam tubuh manusia seperti darah yang mengalir, aku khawatir ia akan membisikkan sesuatu ke dalam hati kalian”

Melihat kepada kisah Nabi Ayub AS pula, sesungguhnya Nabi Ayub AS menanggung penderitaannya selama lapan belas tahun. Punca penyakit kulit yang dihidapi oleh baginda juga adalah daripada syaitan yang meresapi tubuh badan Nabi Ayub AS dengan izin Allah SWT berfirman:

وَأَذْكُرُ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ، أَيُّ مَسَّنِي الشَّيْطَانُ بِضُوبٍ وَعَذَابٍ

“Dan ingatlah akan hamba kami Ayub ketika ia menyeru Tuhannya:  
“Sesungguhnya aku diganggu syaitan dengan kepayahan dan siksaan”.

(Sad, 41)

Melalui tafsiran yang dibuat oleh ulama, al-Quran tidak menjelaskan apa bentuk kepayahan dan siksaan yang dialami oleh nabi Ayub AS. Walaubagaimanapun, ulama berpendapat bahawa hal tersebut berkaitan dengan penyakit fizikal iaitu penyakit kulit yang menimpa Nabi Ayub AS. Ulama berpendapat sedemikian kerana keadaan tubuh Nabi Ayub AS yang parah dengan daging yang berguguran dan ada ahli keluarganya yang meninggal dunia disebabkan penyakit kulit

<sup>29</sup> Sahih Bukhari :Hadis no. 3039

tersebut. Walaubagaimanapun, dengan berkat kesabaran yang dimiliki oleh Nabi Ayub AS, Allah SWT memperkenankan doa Nabi Ayub AS dalam firmanNya yang bermaksud:

dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika ia menyeru Tuhannya: "(Ya Tuhanku), sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua penyayang". Maka Kami pun memperkenankan seruannya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang ada padanya dan Kami kembalikan keluarganya kepadanya, dan Kami lipat gandakan bilangan mereka, sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan untuk menjadi peringatan bagi semua yang menyembah Allah.

(Al-Anbiya': 83-84)

Maka, dapatlah disimpulkan bahawa penyakit fizikal yang dihadapi oleh Nabi Ayub adalah disebabkan gangguan syaitan yang meresapi tubuh Nabi Ayub AS. Apabila taktik hasutan tidak berjaya, syaitan meminta izin kepada Allah untuk mengganggu kekuatan fizikalnya. Syaitan beranggapan sekiranya Nabi Ayub AS jatuh sakit dan kekuatannya menjadi lumpuh, nescaya ia akan mulai malas melakukan ibadah dan melalaikan kewajibannya kepada Allah SWT. Walaupun begitu, rancangan syaitan tidak berjaya kerana Nabi Ayub AS tetap berserah diri kepada Allah SWT dan bersabar dengan ujian yang ditimpakan.

## Kesimpulan

Segala sebab dan akibat yang berlaku dalam lingkungan kehidupan manusia melibatkan ilmu perubatan ini merupakan fenomena yang tiada penghujungnya. Sifat ingin tahu yang dikurniakan oleh Allah membuatkan manusia tidak pernah berhenti mengkaji, menganalisa, menyelidik, memahami, mempelajari dan meingiktibari suatu perkara untuk kemaslahatan kehidupan sejagat. Dalam konteks kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa jin dan syaitan juga menjadi punca kepada pelbagai masalah zahir dan batin. Melalui pemikiran yang luas, hujah yang kukuh, kesesuaian semasa dan keadaan, umat Islam pasti dapat merungkai segala hikmah berkaitan perubatan yang termaktub di dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Selain itu, hujah-hujah daripada ulama' silam mahupun kontemporari perlulah diraikan terutama dari aspek panduan untuk menjalani kehidupan seharian kerana hujah mereka memberi pengertian yang sangat besar, bukanlah bersandarkan kepada kepentingan peribadi semata-mata. Oleh itu, umat Islam perlu menanam benih keimanan supaya meyakini apa yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah, dan tidak bergantung kepada teori yang dikemukakan oleh perubatan barat semata-mata. Hal ini kerana kadang kala akal tidak dapat memanifestasikan punca penyakit dengan tepat walaupun kecanggihan teknologi mereka adalah yang paling terkehadapan pada masa kini.

## Rujukan

Al-Qur'an.

Al-Bukhari, *Muhammad b. Ismail, Sahih Al-Bukhari*, terj. Dr Muhammad Muhsin Khan.

Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*, cet. 3, juz. 1, Kaherah: Mustafa al-Babl al-Halabl. (1968).

- Al-Sibai, Mustafa. Sirah Nabi Muhammad SAW Pengajaran & Pedoman, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd (2004).
- Abu Jaafar Mukmin. Keajaiban Organ Tubuh Manusia: Menurut Perspektif Islam dan Sains, Kuala Lumpur: Al-Hidayah (2001).
- Ahmad Taha. *Kedokteran Islam*, terjemahan Ismail Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, (1992).
- Ali Munis. *Pengubatan Cara Rasulullah SAW.*, Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn.Bhd Hassan Mahmud Al-Hafiz (1998). Penyakit: Antara Cubaan dan Nikmat. Kuala Lumpur: Al-Hidayah, (1995).
- Anisah Setyaningrum. *Iblis Dan Upayanya Dalam Menyesatkan Manusia Dalam Perspektif Al-Qur'an*, STAIN Purwokerto Jawa Tengah, Indonesia: Hermeneutik, Vol. 7, No.1 , (2013).
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Zad al-Maād fi Hadyi Khair al-Ibād*, (1992).
- Ishak Md.Sood. *Sejarah dan Sumbangan Islam dalam Dunia Perubatan*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), (1997).
- Ishak bin Masud. Etika Perubatan dari Perspektif Islam, kertas kerja Seminar Islam Dan Pemindahan Organ, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. (IKIM) 29-30 Okt. (1996).
- Ismail Saad. Pengenalan Tamedun Islam Dalam Ilmu Perubatan. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, (1985).
- Irfan Abu Naveed (t.t). *Memahami Alam Jin Berdasarkan Islam*, (t.th).
- Jahid Sidek. Berpawang dan Bersahabat dengan Jin Daripada Perspektif Islam. Kuala Lumpur:Utusan Publication Sdn Bhd. (2004).
- Jahid Sidek. *Memahami Asas-asas Penyakit Dan Rawatannya Menurut Islam*. Kertas kerja Seminar Perubatan Islam (SEPIM), (2012).
- Jahid Sidek. *Satu Pengenalan Rawatan Spiritual/Tradisional Islam*, Kertas Kerja Seminar Perubatan Islam Anjuran Bersama United Sabah Islamic Association (USIA) dan Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia (BUDI) pada 13 Mei , (2012).
- Jahid Sidek, *Perubatan Islam: Khurafat dan Ancaman Akidah*. Kertas kerja Seminar Perubatan Islam SEPIM, 2015
- Kamaruzaman Wan Su. *Kronologi Sistem Perubatan Islam*. Kertas Kerja Konvensyen Hospital Mesra Ibadah kali ke 3, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kota Bahru, Kelantan, (2011)
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur, (2010)
- Kasule O.H. Concept of Islamic Medicine. *Int. Med J*, Vol 4 No 1. (2005)
- M. Amin Mubarak, etl. *Penafsiran Imam Nawawi al-Bantani Tentang Jin dalam Tafsir Marah Labid Kajian Tematik Dalam Tafsir Marah Labid*. Diya al-Afkar Vol. 4. (2016)
- M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, Jakarta: Lentera Hati. (2003)
- Malik Badri. *"HIV/AIDS: Modernitas Barat Versus Moralitas Islam" dalam AIDS dalam Islam: Krisi Moral @ Krisis Kemanusiaan*, Madyan Bandung: Mizan Pustaka, (2009)
- Mahyuddin Ismail. *Ahli Sihir Ke Tali Gantung*, Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd. (2011)
- Maulana Muhammad Ali, *Islamologi: Dinul Islam*, terj. R. Kaelan dan H.M. Bachrun, Jakarta: Ichtiar Baru- Van Hoeve, (1977)



- Muhammad Fuad Abdul Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahros lial-Fad al-Qur'an al-Karim* Kairo: Dar al-Hadis, (2007)
- Muhammad Rasyid Rida. *Tafsir al-Manar*, (Beirut: Dar al-Ma'rifat, tth.), jil. 3, hlm. 96.
- Muhammad Muhd Taib. *Perubatan Islam Masa Kini*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND). (1997)
- Rasid Muhamad. *Matra Tamadun Islam*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur. (1996)
- Sulaiman Nordin. *Ilmu Perubatan Menurut Perspektif Islam, di dalam Sains Menurut Perspektif Islam*, (t.pt), (t.th).
- Zulekha Yusuff et,al. *Sains Kesihatan Dalam Tamadun Islam*, Universiti Teknologi Mara. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn.Bhd. (2006)
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan*. Jabatan Agama Islam Selangor. (2011)